

## **BAHAN BANTU MENGAJAR (BBM) DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (P&P) DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN (SMK) DAERAH PONTIAN**

Noorazman Abd Samad<sup>1\*</sup>, Wan Mohd Rashid Wan Ahmad<sup>1</sup>, Hairuddin Harun<sup>1</sup>,  
Mohd Hasril Amiruddin<sup>1</sup>, Suhaizal Hashim, Faizah binti Ja'apar<sup>1</sup>

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, UTHM<sup>1</sup>

\*Correspondence: noorazman@uthm.edu.my

### **Abstrak**

*Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) adalah amat penting bagi guru memastikan penyampaian maklumat yang berkaitan dengan mata pelajaran yang diajar adalah lebih jelas dan sistematik serta dapat diikuti oleh pelajar dengan lebih baik. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji sejauh mana tahap penggunaan guru terhadap BBM dalam P&P di empat buah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) daerah Pontian dari aspek amalan, kemahiran dan sikap serta perbezaan berdasarkan jantina guru terhadap ketiga-tiga aspek tersebut. Kajian ini melibatkan 198 orang responden iaitu terdiri daripada guru-guru SMK Sri Tanjung, SMK Benut, SMK Ayer Baloi dan SMK Parit Betak di daerah Pontian. Reka bentuk kajian ini adalah berbentuk tinjauan. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian dan data dianalisis secara deskriptif dan inferensi. Data analisis diproses menggunakan perisian Statistical Packages for Social Sciences for Windows Version 17.0 (SPSS) dan hasil dapatan kajian dilaporkan dalam bentuk min, sisihan piawaian, peratusan dan Ujian t “Independent Samples T-Test”. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan guru terhadap BBM dalam P&P dari ketiga-tiga aspek berada pada tahap tinggi iaitu aspek amalan (skor min 3.89), aspek kemahiran (skor min 3.86) dan aspek sikap (skor min 3.86). Manakala, dapatan kajian Ujian t “Independent Samples T-Test” menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan jantina dari aspek amalan ( $p>0.05=0.803$ ), aspek kemahiran ( $p>0.05=0.518$ ) dan aspek sikap ( $p>0.05=0.447$ ) guru terhadap penggunaan BBM dalam proses P&P. Secara keseluruhannya, guru-guru perlu sedar bahawa penggunaan BBM dalam P&P adalah penting untuk menarik minat dan meningkatkan prestasi pelajar serta mencapai objektif pengajaran guru terhadap sesuatu mata pelajaran.*

**Kata kunci:** Amalan, Kemahiran, Sikap, Bahan Bantu Mengajar, Pengajaran dan Pembelajaran

### **Abstract**

*The use of teaching aids (BBM) in Teaching and Learning (P&P) processes is very important for teachers to ensure that the delivery of information related to the subjects taught is more clear, systematic and better for students to follow. The purpose of this study was to examine the extent of teachers' use of BBM in P&P in four secondary schools of the Pontian district in terms of practice, skills and attitudes and differences based on teachers' gender in these three aspects. The study involved 198 respondents consist teachers, of SMK Sri Tanjung, SMK Benut, SMK Ayer Baloi and SMK Parit Betak in the Pontian district. The design of this study is a survey. This study was carried out using a questionnaire as a research instrument and the data were analyzed descriptively and inferred. Data analysis is processed using the Statistical Packages for Social Sciences for Windows Version 17.0 (SPSS) software and the*

*findings are reported in the form of mean, standard deviation, percentage and T-Test Independent tests. The findings show that the use of teachers to BBM in P&P from all three aspects is at high level in the practice aspect (mean score 3.89), skill aspect (mean score 3.86) and attitude aspect (mean score 3.86). While T-Test Independent tests results showed that there was no significant difference base on teachers gender towards the use of BBM in the P&P process; in the practice aspect ( $P>0.05=0.803$ ), skill aspect ( $p>0.05=0.518$ ) and attitude aspect ( $p>0.05=0.447$ ). Overall, teachers need to realize that the use of BBM in P&P is important to attract and improve student performance as well as achieve the teaching objectives of a subject.*

**Keywords:** Practice, Skill, Attitude, Teaching Aids, Teaching and Learning.

## 1.0 PENGENALAN

Dalam sesebuah institusi pendidikan, proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) dapat dilihat sebagai satu kuasa atau pendorong yang penting bagi mencorakkan modal insan yang dilahirkan. Pengurusan P&P yang dinamis dan sistematik mampu mengembangkan pembudayaan saintifik, pengetahuan baru, pencetusan idea kreatif dan inovatif, pembangunan potensi manusia yang lebih mampan serta penyebaran maklumat (Jantan, 2016). Menurut Hamdan & Mohd Yasin (2010) menyatakan guru sewajarnya menjalankan tanggungjawab mereka sebagai pendidik dengan mendidik pelajar dengan sebaik-baiknya supaya pelajar dapat menguasai pembelajaran yang diajar oleh guru. Oleh itu, penggunaan BBM adalah amat penting dalam proses P&P bagi menarik minat pelajar serta meningkatkan prestasi pelajar. Justeru itu, guru-guru harus memainkan peranan penting dalam proses P&P bagi melaksanakan pengajaran abad ke 21 seperti yang disarankan oleh pihak Kementerian serta menyahut hasrat Negara untuk menjadi Negara maju menjelang 2020.

Pelbagai faedah dan manfaat yang diperolehi jika guru-guru menggunakan BBM dalam P&P dan bukan hanya kepada pelajar sahaja bahkan kepada guru itu sendiri. Oleh yang demikian, pelbagai maklumat yang berguna diperolehi serta dapat meningkatkan pengetahuan semasa penyediaan BBM terhadap sesuatu topik yang akan diajari di dalam kelas. Oleh itu, guru dapat menghasilkan pelbagai BBM yang sesuai dan menarik serta dapat menjana idea yang berasas untuk menentukan aktiviti yang lebih kreatif di dalam P&P (Noordin & Zainal Abiden, 2010). Di samping itu, dengan menggunakan BBM yang betul, praktikal dan berinovasi akan dapat meningkatkan lagi pengetahuan dan kefahaman pelajar-pelajar. Manakala, guru-guru juga dapat menyampaikan idea-idea yang berasas serta lebih berkesan terhadap P&P. Proses P&P yang menggunakan BBM sangatlah memberi kesan yang positif kepada diri pelajar. Amirudin. M.H. (2009), dalam dapatan kajian menyatakan bahawa BBM responden masih lagi tidak mencukupi terutama BBM yang melibatkan ICT yang terkini. Pengkaji juga berpendapat penggunaan BBM adalah satu cara untuk meningkatkan pencapaian dan kejayaan bagi pelajar-pelajar kerana tanpa BBM, proses P&P akan kurang kualiti dan efektif serta pencapaian akademik akan menurun. Oleh itu, semua guru perlu melaksanakan penggunaan BBM dalam P&P mereka bagi melahirkan pelajar yang cemerlang dari pelbagai aspek. Selain itu, penggunaan BBM dalam P&P di sekolah memerlukan kesediaan guru dari aspek amalan, kemahiran dan sikap mereka supaya penggunaan BBM dalam P&P berjalan dengan berkesan dan berkualiti.

Walau bagaimanapun, masih ada lagi di kalangan guru-guru yang kurang berminat menggunakan BBM dalam P&P. Oleh itu, guru kurang percaya dengan amalan menggunakan BBM boleh menarik minat pelajar serta meningkatkan prestasi pelajar dalam proses P&P. Sikap merujuk pada lakukan, kelakukan, perangai atau tingkah laku. Sehubungan dengan itu, guru yang cekap menguruskan aktiviti P&P dalam bilik darjah akan melahirkan pelajar yang

berketerampilan, berilmu, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan setiap perlakuan guru akan menjadi kesan kepada pencapaian pelajar (Stapa *et. al.* 2012). Di samping itu, guru perlulah menjadikan pengajaran yang lebih kepada berpusatkan murid supaya guru mudah membentuk dan menerapkan nilai-nilai serta amalan yang baik agar dapat melahirkan pelajar yang cemerlang dan berkualiti dari pelbagai aspek. Pengendalian BBM bergantung kepada kepakaran atau kemahiran guru dalam menggunakan bahan tersebut. Tahap kesediaan guru dalam melaksanakan sesuatu BBM akan terjejas jika guru kekurangan kemahiran dan pengetahuan yang mencukupi. Oleh itu Mat Som (2005), juga menyatakan keupayaan dan kemampuan guru dalam melaksanakan BBM dan menangani cabaran-cabarank tugas yang berkaitan dengannya memerlukan pengetahuan dan kemahiran guru untuk membuat justifikasi. Oleh yang demikian, memiliki kemahiran yang tinggi merupakan salah satu aspek yang terpenting dalam menjayakan aktiviti P&P yang berkesan. Persoalannya di sini, adakah guru perlu bersedia dari aspek amalan, kemahiran dan sikap guru terhadap penggunaan BBM dalam P&P di sekolah supaya P&P lebih bermakna dan berkesan serta dapat meningkatkan prestasi pelajar.

## **2.0 LATAR BELAKANG KAJIAN**

Amalan guru terhadap BBM dalam P&P sering diperkatakan kebelakangan ini. Faktor-faktor seperti bahan pengajaran tidak mencukupi, beban mengajar yang tinggi, kekurangan masa, tidak praktikal, tidak mahir membina bahan secara sendiri dan sumber kewangan tidak mencukupi merupakan beberapa halangan atau kekangan yang dihadapi oleh para pendidik untuk melaksanakan dan menyediakan BBM dalam P&P (Lai *et.al.*, 2002). Berdasarkan dapatan kajian Mat Som (2005), terdapat pelbagai cabaran yang terpaksa dihadapi oleh pihak sekolah dalam melaksanakan BBM dalam P&P. Tahap kesedaran guru dalam menggunakan BBM dalam P&P perlu ditekankan kepada faktor-faktor latar belakang guru yang berbeza, keupayaan guru dari segi pengetahuan, sikap, motivasi dan kemahiran serta lokasi sekolah akan menentukan keberkesanan sesuatu kurikulum. Terdapat beberapa implikasi daripada faktor halangan penggunaan guru terhadap BBM dalam P&P. Mohd Amin.N.F., & Chiew Kai Wan. (2014), juga menyatakan bahawa terdapat beberapa faktor amalan penggunaan BBM antaranya ialah kurang kepelbagaian kaedah dalam P&P mereka. Para guru masih juga mengamalkan kaedah pengajaran secara tradisional yang disifatkan sebagai pengajaran berpusatkan guru semata-mata seperti syarahan, hafalan, soal jawab dan perbincangan. Namun begitu, pelbagai usaha perlu dilakukan oleh guru bagi mengatasi segala halangan-halangan penggunaan guru terhadap BBM dalam P&P di sekolah.

Walau bagaimanapun, realitinya masih terdapat guru yang kurang mengamalkan kualiti pengajaran yang betul dan berkesan. Hal ini boleh dibuktikan oleh kajian Hamdan *et. al.* (2004), menyatakan bahawa setiap orang guru mesti memerlukan penyusunan strategi P&P terlebih dahulu sebelum proses P&P dijalankan. Oleh itu, bahan-bahan rujukan, aktiviti-aktiviti pelajar, kaedah-kaedah pengajaran dan guru-guru dapat membuat jadual masa yang mencukupi dengan masa pengajarannya. Dapatn kajin ini disokong Tasir.Z & Lim Bee Yeok. (2010). menyatakan semasa proses P&P mata pelajaran sejarah dilaksanakan, masih terdapat guru-guru yang menggunakan kaedah atau teknik membaca buku teks semata-mata dalam pengajarannya dan menyebabkan murid kurang minat untuk aktif dalam bilik darjah. Oleh yang demikian, kaedah “chalk and talk” sudah menjadi kebiasaan di dalam bilik darjah. Hal ini jika diambil peduli sepatutnya tidak berlanjutan kerana akan menghilangkan minat para pelajar terhadap mata pelajaran sejarah dan menguatkan lagi tafsiran para pelajar yang menyatakan mata pelajaran tersebut adalah mata pelajaran yang membosankan. Oleh itu, pembelajaran akan berjalan dengan lancar, menarik dan berkesan sekiranya guru menggunakan pelbagai kaedah yang bersesuaian dengan isi pelajaran dan kemahiran yang akan dicapai oleh murid. Guru-guru mestilah mengubah suai strategi pengajaran mengikut

keberkesanannya penggunaan sesuatu BBM atau kaedah pengajaran guru seperti kaedah nyanyian yang mana pelajar-pelajar lebih seronok dan lebih aktif terhadap mata pelajaran yang dipelajarinya. Ini menunjukkan kaedah ini memberi kesan kepada pelajar terutamanya prestasi dalam pembelajaran mereka (Marzuki, 2005).

Oleh itu, aspek amalan, kemahiran dan sikap guru merupakan faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan guru terhadap BBM dalam P&P di sekolah. Walau bagaimanapun, masih terdapat di kalangan guru-guru yang tidak bersedia terhadap penggunaan BBM dalam P&P mereka di sekolah dari aspek amalan, kemahiran dan sikap guru yang mana mereka masih lagi mengajar menggunakan kaedah konvensional yang lebih di kenali '*chalk and talk*'. Persoalannya di sini adakah guru-guru kurang menggunakan BBM, kurang kemahiran dan tidak mempunyai sikap atau keinginan untuk menggunakan BBM dalam P&P di sekolah.

## **2.1 Persoalan Kajian**

Antara persoalan kajian yang telah dibentuk adalah seperti yang berikut :

- 1) Sejauhmanakah amalan guru terhadap penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P)?
- 2) Sejauhmanakah kemahiran guru terhadap penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P)?
- 3) Sejauhmanakah sikap guru terhadap penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P)?
- 4) Adakah terdapat perbezaan berdasarkan jantina guru terhadap penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) dari aspek amalan, kemahiran dan sikap guru?

## **3.0 METODOLOGI**

Kajian ini menggunakan rekabentuk tinjauan yang menggunakan pendekatan kuantitatif yang mengkaji amalan, kemahiran dan sikap guru terhadap penggunaan BBM dalam P&P. Kajian ini melibatkan guru-guru di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) daerah Pontian.

### **3.1 Populasi dan sampel**

Populasi kajian dalam penyelidikan ini adalah terdiri daripada guru-guru SMK Sri Tanjung, SMK Ayer Baloi, SMK Parit Betak dan SMK Benut dalam daerah Pontian. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah persempelan secara rawak mudah dalam menentukan sampel kajian. Persampelan rawak mudah digunakan untuk memastikan setiap unit atau subjek dalam populasi mempunyai peluang yang sama untuk dipilih sebagai responden kajian (Chua, 2014a). Kajian telah dijalankan ini hanya melibatkan populasi guru-guru di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) dalam daerah Pontian. Pemilihan sampel kajian juga adalah berdasarkan kepada Jadual Penetuan Saiz Sampel daripada Sesuatu Populasi oleh Krejcie dan Morgan (1970). Merujuk kepada jadual Krejcie dan Morgan (1970), jumlah responden yang diperlukan dalam kajian ini ialah 262 orang. Akan tetapi, pengkaji hanya dapat kembali borang soal selidik hanya 198 orang responden sahaja.

### **3.2 Instrumen kajian**

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian bagi memperolehi data dan instrumen jenis ini juga mudah ditadbir dan dianalisis (Chua, 2014b). Borang soal selidik ditujukan kepada responden dari kalangan guru-guru di empat buah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) daerah Pontian. Item-item soal selidik menggunakan skala Likert yang terdiri 5 skala bermula dengan skor (1) Sangat Tidak Setuju, (2) Tidak Setuju, (3) Tidak pasti, (4) Setuju dan (5) Sangat Setuju. Pembangunan soal selidik

merangkumi dua bahagian iaitu bahagian A, bahagian B, bahagian C dan Bahagian D. Sebanyak 4 item soalan bahagian A yang meliputi demografi responden. Manakala, sebanyak 15 item soalan bahagian B yang berkaitan dengan amalan guru terhadap penggunaan BBM dalam P&P. Bahagian C pula sebanyak 15 item soalan yang berkaitan dengan kemahiran guru terhadap penggunaan BBM dalam P&P serta sebanyak 15 item juga di bahagian D yang berkaitan dengan sikap guru terhadap penggunaan BBM dalam P&P.

### 3.3 Analisis data

Bagi menganalisis data, pengkaji telah menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) version 17.0 bagi menjawab empat persoalan kajian. Huraian analisis diperolehi dibahagikan kepada dua iaitu analisis secara diskriptif (frekuensi, min dan sisihan piawai) dan analisis secara inferensi (ujian t “*Independent Samples Test*”). Statistik analisis min diperlakukan bagi mengkaji tahap amalan, kemahiran dan sikap guru terhadap penggunaan BBM dalam P&P. Manakala, ujian t “*Independent Samples Test*” diperlakukan bagi mengenal pasti perbezaan jantina dari aspek amalan, kemahiran dan sikap guru terhadap penggunaan BBM dalam P&P.

Sebelum pengkaji menganalisis data untuk mengenal pasti perbezaan berdasarkan jantina guru terhadap penggunaan BBM dalam P&P, ujian normaliti perlu dilakukan terlebih dahulu dengan menggunakan ujian statistik iaitu dengan melihat *skewness* dan *kurtosis* pada data. Nilai *skewness* dan *kurtosis* bagi data yang bertabur secara normal ialah sifar. Walau bagaimanapun, jika sesuatu taburan data mempunyai nilai *skewness* dan *kurtosis* yang berada dalam julat -1 hingga +1, taburan data tersebut boleh dianggap normal (Lay dan Khoo, 2009). Manakala Ibrahim (2013), taburan tidak normal mempunyai nilai *skewness* dan *kurtosis* di antara +2.0 hingga -2.0. Nilai *skewness* dan *kurtosis* yang diperolehi ditunjukkan dalam Jadual 1. Daripada jadual tersebut, di dapati nilai *skewness* dan *kurtosis* bagi ketiga-tiga aspek yang dikaji adalah dalam lingkungan -1 hingga +1 dan pengkaji mengandaikan data adalah bertaburan normal.

Jadual 1: Nilai Skewness dan Kurtosis bagi Setiap Aspek

Aspek	Amalan	Kemahiran	Sikap
Skewness	-0.148	0.208	0.034
Kurtosis	-0.032	0.114	0.043

Analisis diskriptif telah digunakan bagi menjawab 3 persoalan pertama dalam kajian ini, iaitu aspek amalan, kemahiran dan sikap yang mempunyai 45 item. Bagi menghuraikan diperolehi kajian bahagian B,C, dan D. Item-item ini dianalisis menggunakan statistik deskriptif untuk mendapatkan nilai frekuensi, min dan sisihan piawai. Tafsiran min yang digunakan adalah seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2 : Tafsiran Nilai Julat Min

Skor min	Tahap
1.00 hingga 2.33	Rendah
2.34 hingga 3.67	Sederhana
3.68 hingga 5.00	Tinggi

Sumber : Diadaptasi daripada Wiersma, 2000

Pengkaji menggunakan ujian t “*Independent Samples Test*” untuk mengenal pasti perbezaan amalan, kemahiran dan sikap guru terhadap penggunaan BBM dalam P&P. Ujian t

“Independent Samples Test” ditentukan dengan melihat nilai signifikan (*asymp.sig.*) nilai ( $p < 0.05 >p$ ) serta untuk melihat tahap perbezaan jantina.

## 4.0 DAPATAN KAJIAN

### 4.1 Demografi

Jadual 3 menunjukkan taburan jantina responden kajian, seramai 139 orang 70.2% guru perempuan manakala seramai 59 orang 29.8% adalah responden lelaki.

Jadual 3 : Bilangan dan peratusan responden mengikut jantina

4.2 Tahap Jadual 4	Jantina	Responden		Penggunaan merupakan bagi setiap penggunaan BBM dalam P&P. Dari aspek amalan guru terhadap penggunaan BBM adalah pada tahap yang tinggi iaitu 3.89. Manakala, aspek kemahiran juga berada pada tahap tinggi iaitu 3.86 dan Aspek sikap guru berada pada tahap tinggi iaitu 3.86.
		Bilangan	Peratusan (%)	
hasil dapatan konstruk guru terhadap	Lelaki	59	29.8	
	Perempuan	139	70.2	
	<b>Jumlah</b>	<b>198</b>	<b>100</b>	

Jadual 4: Hasil dapatan bagi setiap konstruk tahap penggunaan

Konstruk	Nilai skor min keseluruhan	Tahap
Amalan	3.89	Tinggi
Kemahiran	3.86	Tinggi
Sikap	3.86	Tinggi

### 4.3 Perbezaan berdasarkan jantina guru terhadap penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) dari aspek amalan, kemahiran dan sikap

Jadual 5 menunjukkan hasil dapatan nilai berada pada aras tidak terdapat signifikan (*asymp.sig.*) 0.00 (nilai  $p < 0.05$ ) jadi keputusan menunjukkan bahawa nilai *asymp.sig* 0.00 lebih daripada 0.05. Jadi tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan jantina dari aspek amalan, kemahiran dan sikap.

Jadual 5 : Hasil dapatan perbezaan berdasarkan jantina guru terhadap penggunaan BBM

Konstruk	Jantina	N	T	Df	Sig. (2-tailed)	Perbezaan Min	Std. Error Difference
					(p)		
Amalan	Lelaki	59	.250	196	.803	.01382	.05529
	Perempuan	139					
Kemahiran	Lelaki	59	.647	196	.518	.03894	.06016
	Perempuan	139					
Sikap	Lelaki	59	.763	196	.447	.04613	.06049
	Perempuan	139					

Bagi aspek amalan, perbezaan jantina menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan iaitu 0.803 ( $p>0.05$ ) di antara lelaki dan perempuan, Manakala, dari aspek kemahiran pula, juga tidak terdapat perbezaan yang signifikan iaitu 0.518 ( $p>0.05$ ) di antara lelaki dan perempuan. Selain itu, dari aspek sikap juga tidak terdapat perbezaan yang

signifikan iaitu 0.447 ( $p>0.05$ ) di antara lelaki dan perempuan terhadap penggunaan BBM dalam P&P

## **5.0 PERBINCANGAN**

### **5.1 Amalan Guru Terhadap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) Dalam Pengajaran dan Pembelajaran (P&P).**

Perkara pertama yang dilihat oleh pengkaji ialah amalan guru terhadap penggunaan BBM dalam P&P. Aspek amalan dalam kajian ini merujuk kepada amalan guru terhadap kualiti pengajaran, amalan terhadap kesesuaian aras pengajaran dan amalan guru terhadap insentif dalam P&P mereka. Secara keseluruhan dapatkan kajian menunjukkan bahawa kebanyakan responden menggunakan BBM dalam P&P dengan mengamalkan kualiti pengajaran yang dirancang, kesesuaian aras pengajaran mengikut kebolehan pelajar dan mengamalkan insentif terhadap pelajar-pelajar.

Daripada hasil dapatkan kajian, walaupun guru-guru mengamalkan penggunaan BBM dalam P&P akan tetapi masih terdapat sebilangan guru-guru yang kurang mempunyai pengetahuan dalam menghasilkan BBM dengan baik dan sempurna. Dapatkan kajian ini disokong oleh Omar (2014), yang menyatakan bahawa masalah yang timbul dalam penerapan inovasi P&P atas sebab masalah guru-guru yang tidak menguasai ilmu pengajaran yang terkini dan kesukaran dalam mengaplikasikan bahan media dalam pengajaran. Jika guru tidak mahir menggunakan BBM dengan berkesan, maka sesebuah sekolah yang mempunyai pusat sumber yang dilengkapi BBM tidak dapat membantu pelajar dalam pembelajarannya (Lai *et. al.*, 2002).

Dari aspek amalan kesesuaian aras pengajaran pula, pengkaji mendapati bahawa responden sentiasa mencari idea yang terkini dan mereka bentuk BBM bersesuaian dengan aras kebolehan pelajar dalam pengajaran mereka. Selain itu, mereka juga menggunakan BBM dalam pengajarannya dengan harapan pelajar cepat dapat memahami konsep sesuatu topik dan dapat memahami serta menguasai kemahiran asas dengan baik. Walau bagaimanapun, kebanyakan responden memastikan dirinya mempunyai pengetahuan yang terkini mengenai BBM dalam P&P supaya mereka dapat menjalankan P&P dengan berkualiti serta dapat meningkatkan prestasi pencapaian pelajar di sekolah.

### **5.2 Kemahiran Guru Terhadap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) Dalam Pengajaran dan Pembelajaran (P&P).**

Persoalan kajian kedua merujuk kepada penggunaan BBM dalam P&P dari aspek kemahiran guru. Kemahiran yang dibincangkan dalam kajian ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu kemahiran mempelbagaikan strategi pengajaran, kemahiran penilaian pembelajaran serta kemahiran menggunakan teknologi maklumat (ICT). Pengkaji mendapati bahawa diantara ketiga-tiga bahagian ini, kemahiran penilaian pembelajaran telah dipilih oleh kebanyakan responden dalam mengamalkannya dalam P&P. Oleh itu, segelintir responden kurang berkemahiran dalam menggunakan teknologi maklumat (ICT) dalam P&P.

Walau bagaimanapun, hasil dapatkan kajian mendapati bahawa kebanyakan responden membina set induksi yang kreatif dalam P&P dengan menggunakan BBM sebelum memulakan pengajaran mereka. Oleh itu, semasa pengajaran bermula, responden menggunakan pelbagai strategi pengajaran dengan menggunakan BBM bagi menerangkan sesuatu topik supaya pelajar mudah dan cepat memahaminya. Selain itu, pengkaji juga mendapati bahawa responden lebih gemar menggunakan kaedah berpusatkan pelajar serta mempelbagaikan aktiviti pengajaran semasa menggunakan BBM dalam P&P. Walau bagaimanapun, tujuan responden menggunakan BBM supaya dapat melatih pelajar ke arah kemahiran berfikir semasa proses P&P dijalankan serta selari dengan P&P abad ke 21.

Justeru itu, semasa atau selepas proses P&P dijalankan, responden akan memberikan tugasan adalah bersesuaian dengan isi kandungan yang telah dipelajari. Kenyataan ini disokong oleh Syarifuddin (2016), menyatakan bahawa pengetahuan kandungan pedagogi seharusnya dimiliki oleh guru yang terlatih dalam bidang masing-masing dan penguasaan kandungan pula adalah sebagai pengetahuan kandungan mata pelajaran. Dengan adanya penguasaan tersebut, guru dapat melaksanakan tugas mereka dengan lebih lancar dan berkesan dalam penyampaian pengajaran, pengurusan kelas dan pemahaman mengenai pelajar mereka. Selain daripada pengetahuan guru terhadap penggunaan BBM, responden juga perlu mempunyai ilmu mengenai penguasaan isi kandungan supaya penggunaan BBM dan penilaian dapat dilakukan berdasarkan isi kandungan yang diajari.

### **5.3 Sikap Guru Terhadap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) Dalam Pengajaran dan Pembelajaran (P&P).**

Persoalan kajian ketiga merujuk kepada penggunaan BBM dalam P&P dari aspek sikap guru. Sikap yang dibincangkan dalam kajian ini dibahagiakan kepada tiga bahagian iaitu sikap keyakinan, sikap kepercayaan dan sikap motivasi. Oleh yang demikian, pengkaji mendapati bahawa kebanyakan responden sudah bersedia dari segi fizikal dan mental untuk melaksanakan inovasi dalam P&P dengan bersungguh-sungguh. Selain itu, responden juga mempunyai sikap keyakinan yang tinggi terhadap pelaksanaan strategi pengajaran dengan menggunakan BBM dalam P&P agar pelajar mudah memahami konsep sesuatu topik dengan mudah.

Walau bagaimanapun, dapatan kajian menunjukkan bahawa responden mempunyai sikap kepercayaan yang tinggi terhadap penggunaan BBM dalam P&P walaupun masih terdapat beberapa orang responden yang kurang percaya bahawa sekolah mempunyai kelengkapan yang mencukupi untuk melaksanakan BBM dalam P&P. Pendapat ini disokong oleh Ilias *et.al.* (2013), yang menyatakan bahawa faktor kemudahan yang menghalang untuk menggunakan BBM adalah dari segi masalah teknikal, tempat yang terhad dan kekurangan BBM. Masalah kekurangan BBM perlu diambil tindakkan kerana ia mengakibatkan guru-guru menggunakanannya secara terhad untuk sesuatu topik yang tertentu sahaja sedangnya banyak lagi topik-topik yang lain memerlukan BBM bagi meningkatkan kefahaman pelajar. Selain itu, guru-guru juga mempunyai masalah kekurangan tempat atau ruang yang terhad untuk melaksanakan P&P.

Pada bahagian yang ketiga iaitu sikap motivasi responden terhadap penggunaan BBM dalam P&P. pengkaji mendapati bahawa kebanyakan responden mempunyai sikap minat untuk menggunakan BBM dalam P&P kerana ianya boleh memotivasi pelajar untuk memahami sesuatu topik yang telah dipelajari. Kenyataan ini disokong oleh Jaafar *et.al* (2001), menyatakan bahawa motivasi adalah faktor utama untuk mengerakkan seseorang kakitangan untuk melaksanakan dan menyempurnakan tugas dengan berkesan. Kakitangan bermotivasi tinggi adalah sebagai pendorong memungkinkan mereka dapat menghasilkan idea yang bernas dan bersedia membantu organisasi mereka. Kakitangan bermotivasi juga boleh dikatakan lebih berdaya saing, kreatif, positif, komited terhadap tugas dan menumpukan perhatian terhadap pencapaian pelajar.

### **5.4 Perbezaan Jantina Dari Aspek Amalan, Kemahiran dan Sikap Guru Terhadap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) Dalam Pengajaran dan Pembelajaran (P&P)**

Dapatan kajian menunjukkan analisis perbezaan jantina dari aspek amalan guru terhadap BBM dalam P&P adalah tidak terdapat perbezaan di antara responden lelaki dan perempuan. Ini selari dengan pendapat Ahmad & Tamuri (2010) yang menyatakan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan min persepsi antara guru lelaki dan guru perempuan berdasarkan

jantina bagi penggunaan bahan bantu mengajar berdasarkan Teknologi Maklumat Multimedia dalam pengajaran guru j-QAF. Ini menunjukkan bahawa responden lelaki dan perempuan sama-sama mengamalkan BBM dalam pengajaran mereka.

Oleh yang demikian, pengkaji juga mendapati analisis perbezaan jantina dari aspek kemahiran guru terhadap BBM dalam P&P adalah tidak terdapat perbezaan di antara responden lelaki dan perempuan. Pendapat ini disokong oleh Mohd Hamzah & Attan (2007) menyatakan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap jantina guru dari tahap kesediaan penggunaan teknologi maklumat dalam P&P Sains berdasarkan pengetahuan. Ini menunjukkan bahawa responden lelaki dan perempuan sama-sama mempunyai kemahiran dan pengetahuan terhadap penggunaan BBM dalam P&P mereka.

## **6.0 PENUTUP**

Pandangan pengkaji menunjukkan masalah-masalah yang menyebabkan guru kurang menggunakan BBM dalam P&P perlu diberi perhatian dengan segera oleh pihak Kementerian. Kebanyakan guru-guru sudah bersedia untuk melaksanakan inovasi dalam P&P di sekolah seperti mana yang disarankan oleh kurikulum. Walau bagaimanapun, aspek yang perlu diberikan keutamaan adalah latihan yang secukupnya kepada guru-guru dalam melaksanakan inovasi. Latihan yang cukup perlu didedahkan kepada guru-guru bagi memahirkannya dengan kaedah-kaedah baru dalam P&P, penggunaan peralatan teknologi yang semakin canggih, teknik penguasaan kandungan isi pelajaran dengan mendalam dan teknik mempelbagaikan kaedah pengajaran. Ini akan melancarkan lagi proses P&P di dalam bilik darjah (Abd Hamid. M.A, 2001).

Seseorang guru perlu didedahkan kepada cara menggunakan simulasi dan teknik mengajar terbaru dalam memainkan peranan dalam bilik darjah supaya P&P lebih menarik dan mudah diterima oleh pelajar. Kebanyakan guru mempunyai keinginan untuk memperbaiki diri berkaitan dengan tanggungjawab sebagai seorang profesionalisme. Ini termasuklah dalam bidang pengajaran yang luas dan keupayaan mentadbir serta memimpin pelajar mereka. Guru-guru juga ingin mempelajari segala ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan bidang mereka dengan menghadiri seminar, bengkel dan program yang berkenaan.

Justeru itu, rata-rata pakar pendidikan bersetuju bahawa kaedah P&P perlu berubah sesuai dengan perkembangan akses kepada internet dan teknologi cyber yang semakin maju. Kaedah yang lama seperti “chalk and talk” semata-mata tidak mendatangkan hasil untuk menarik perhatian pelajar. Sebaliknya mereka lebih memerlukan kaedah P&P yang lebih dinamik dan kreatif dengan kandungan pengajaran yang sesuai dengan perkembangan semasa. Oleh yang demikian, guru-guru perlu memfokuskan lebih kepada P&P abad ke 21 yang mana guru-guru perlu menguasai pengetahuan teknologi, pengetahuan pedagogi serta pengetahuan kandungan atau kurikulum. Penyampaian guru secara komunikatif, aktif dan kolaboratif akan meningkat peratusan kehadiran pelajar untuk ke sekolah setiap hari.

## **Rujukan**

- Abd Hamid. M.A., (2001). *Pengenalan Pemikiran Kritis & Kreatif*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Ahmad, S.T & Tamuri, A.H.(2010). Persepsi Guru Terhadap Penggunaan BBM Berasaskan Teknologi Multimedia dalam Pengajaran j-Qaf. *Journal Of Islamic and Arabic Education* 2(2).53-64.
- Amirudin. M.H. (2009). *Kemudahan, Sikap dan Kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam Kalangan Guru-Guru Program Pendidikan Khas Sekolah Menengah Teknik di Malaysia*. Tesis Sarjana Pengajian
- Chua Yan Piaw. (2014a). *Asas Statistik Penyelidikan*. Edisi Ketiga. McGraw-Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd.

- Chua Yan Piaw. (2014b). *Kaedah Penyelidikan*. Edisi Ketiga. McGraw-Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Hamdan, A.R. & Mohd Yasin,H. (2010). *Penggunaan Alat Bantu Mengajar (ABM) Di Kalangan Guru-Guru Teknikal Di Sekolah Menengah Teknik Daerah Johor Bahru, Johor*. Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Ibrahim, N. H. (2013). *Tinjauan Keperluan Guru Pembantu Dan Kesan Terhadap Beban Tugas Guru Mata Pelajaran Pendidikan Teknik Dan Vokasional*. Universiti Tun Hussein Oon Malaysia. Tesis sarjana.
- Ilias. M.F., Ismail. M.F.& Jasmi. K. A (2013). *Faktor Dorongan Dan Halangan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Oleh Guru Pendidikan Islam Di Sekolah Bestari*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Jaafar,M., Hanafiah,M.N & Mohd. Makbul, Z. (2001). Pengantar Pengurusan. Kuala Lumpur:Leads.
- Jantan,N. (2016). *Penerapan Budaya Kreatif Dan Inovatif Di Kalangan Pelajar Politeknik Merlimau Melalui PERKAYA INOVASI*. Jabatan Kejuruteraan Elektrik. Politeknik Merlimau.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D.W. (1970). *Determining sampel saiz for research activities*. Education and Psychological Measurement, 30, 608.
- Lai, K.L., Khaw, A.H & Seah, A. K., (2002). *Satu Kajian Mengenai Penggunaan Bahan bantu Mengajar Dalam Pengajaran Pembelajaran Matematik Di Sekolah Rendah*. Jabatan Matematik. Maktab Perguruan Batu Lintang.
- Lay,Y.F & Khoo,C.H.(2009). *Introduction to Statistical Analysis in Social Sciences Research (Series 1)*. Venton Publishing (M) Sdn. Bhd.
- Marzuki, S.C.(2005)..*Amalan Guru Yang Berkesan : Kajian Di Beberapa Sekolah Menengah Di Malaysia*. Fakulti Pendidikan. Universiti Malaya.
- Mat Som, H. (2005). *Guru dan Pelaksanaan Inovasi Kurikulum : Sorotan dan Perbincangan*. Masalah Pendidikan Jilid 27. Universiti Malaya.
- Mohd Amin.N.F., & Chiew Kai Wan. (2014). *Persepsi Guru Terhadap Penggunaan Perisian Multimedia Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Sekolah Jenis Kebangsaan Cina*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd. Hamzah,M.I &Attan,N. (2007). *Tahap Kesediaan Guru Sains Dalam Penggunaan Teknologi Maklumat Berasaskan Komputer Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran*. Jurnal Teknologi. Universiti Teknologi Malaysia
- Noordin, H.S & Zainal Abiden, N.F .(2010). *Tahap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Dalam Kalangan Bakal Guru Fizik Semasa Latihan Mengajar*. Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Omar.Z., (2014). *Pendekatan Konstruktif dalam Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Di Kolej Vokasional*. Tesis Sarjana. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Stapa, Z., Ismail, A.M. & Yusuf, N. (2012). *Faktor Persekutaran sosial dan Hubungannya Dengan Pembentukan Jati Diri*. Fakulti Pengajuan Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Syarifuddin.N.S. & Halim.L. (2016). *Amalan Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan Guru Baharu*.Fakultli Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tasir.Z & Lim Bee Yeok. (2010). *Tahap Pengetahuan, Sikap dan Masalah Penggunaan Komputer Di Kalangan Guru Di Sekolah Menengah Daerah Alor Gajah*. Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.